

# SIARAN MEDIA

Untuk Siaran Segera



## **BANK ISLAM RAI 9 PEMENANG CABUTAN BERTUAH KEMPEN AL-AWFAR**

*Sedia hadiah menarik sebagai tanda penghargaan terhadap kesetiaan dan kepercayaan pelanggan*

**KUALA LUMPUR, RABU, [22 Februari 2023]:** Bank Islam Malaysia Berhad (Bank Islam) hari ini meraikan sembilan (9) pemenang bertuah kempen Al-Awfar dalam satu majlis yang berlangsung di Hotel Shangri-La, Kuala Lumpur.

Seorang pemenang hadiah Cabutan Utama membawa pulang wang tunai berjumlah RM1 juta, manakala lima (5) pemenang Cabutan Khas masing-masing memandu pulang kereta mewah BMW 302i dan empat (4) buah Honda CR-V.

Selain itu, seorang pemenang kategori Junior Grand Prize dihadiahkan sebuah Macbook Pro dan dua pemenang lain menerima wang tunai berjumlah RM100,000 dan RM 50,000.

Al-Awfar merupakan satu akaun pelaburan inovatif berasaskan konsep *Mudarabah* yang memberi peluang kepada pelanggan untuk memenangi pelbagai hadiah wang tunai dan ganjaran menarik yang bernilai lebih RM15 juta setahun.

Menyempurnakan penyampaian hadiah kepada pemenang ialah Ketua Pegawai Perniagaan Runcit Kumpulan Bank Islam, Mizan Masram. Turut hadir, Ketua Pegawai Operasi Kumpulan Bank Islam, Mohamed Iran Moriff Mohd Shariff.

Mizan berkata, "Setelah 14 tahun berada di pasaran, Al-Awfar menerima sambutan yang amat memberangsangkan dengan merekodkan saiz dana berjumlah lebih RM5 bilion menerusi 1.02 juta akaun."

"Kami amat bersyukur dan berterima kasih kepada pelanggan yang menyokong dan mempercayai Bank Islam dalam menguruskan kepentingan kewangan mereka. Kempen Al-Awfar ini menzahirkan penghargaan kami atas kesetiaan pelanggan terhadap Bank Islam," tambahnya.

Sejak tahun 2009, seramai 38 orang pelanggan telah menerima gelaran Jutawan Al-Awfar dengan meraih hadiah utama bernilai RM1 juta setiap seorang.

Selain itu, mulai 2019, Bank Islam telah meningkatkan ganjaran kemenangan peluang kepada lebih 10,000 pelanggan dengan menyediakan pelbagai hadiah menarik termasuk kereta, pakej umrah atau percutian, wang tunai dan gajet.

Al-Awfar merekodkan pertumbuhan sebanyak 77 peratus yang melibatkan RM2 bilion sejak penstrukturannya pada tahun 2019.

Melihat kepada pertumbuhan tersebut dan sejajar dengan peredaran masa serta perkembangan teknologi, Al-Awfar akan diberi nafas baru.

“Insya-Allah, penstrukturan dan cabutan baru Al-Awfar akan dilancarkan sempena sambutan ulang tahun ke-40 Bank Islam pada Julai ini” katanya.

Senarai pemenang yang hadir adalah seperti berikut:

No	Pemenang Cabutan Utama	Hadiah
1	MOHAMMAD IDRUS BIN ISMAIL	Wang tunai berjumlah RM1 juta

No	Pemenang Cabutan Khas	Hadiah
1	SHARIBANUN BINTI YAHAYA	Sebuah kereta BMW

No	Senarai Pemenang Cabutan Khas	Hadiah
1	ABDUL HAKIM ADLI BIN ABDUL HADI	Sebuah kereta HONDA CR –V
2	HALIJAH BINTI SALAM	
3	NUR IZZATI BINTI IDRIS	
4	TUAN FATIMAH BINTI SAREH ABDULLAH	

No	Pemenang Hadiah Utama Junior	Hadiah
1	MUHAMMAD ADAM FAWWAZ BIN AZUKI	Sebuah Macbook Pro

No	Pemenang Hadiah Utama Cabutan Bulanan	Hadiah
1	MOHD ZAHARUDDIN BIN IBRAHIM	Wang tunai berjumlah RM100,000

No	Pemenang Jom Pindah Gaji	Hadiah
1	SARIFAH RADIAH BINTI BACHOK @ ARASH	Wang tunai berjumlah RM50,000

Kempen Al-Awfar yang dijalankan sebelum ini turut merekodkan peningkatan dana yang kukuh. Melalui sokongan terhadap kempen Do-IT & WIN, sebanyak hampir 11,800 akaun dibuka dengan jumlah RM5 juta direkodkan sepanjang Februari sehingga Ogos 2022.

Selain itu, kempen TRUGOLD, yang berlangsung pada April sehingga September 2022, telah menarik hampir 16,800 akaun baharu dengan nilai lebih RM405 juta. Kempen ELITE 3.0 yang berlangsung pada Mac sehingga Disember 2022 pula berjaya merekodkan hampir 20,500 akaun baharu bernilai lebih RM373 juta.

Kempen DEPOSIT & INVESTMENT yang turut diadakan pada September sehingga Disember 2022 telah menarik minat hampir 18,000 pemegang akaun baharu dengan melibatkan lebih RM1 bilion.

Sebagai usaha untuk mengelakkan penipuan atau scam, Bank Islam akan menghebahkan senarai nama pemenang bertuah cabutan Al-Awfar melalui akaun rasmi Facebook Bank Islam dan laman web Bank Islam di [www.bankislam.com](http://www.bankislam.com). Selain itu, wakil dari cawangan berhampiran dengan pemenang akan menghubungi individu yang terpilih.

Maklumat lanjut berkenaan kempen Al-Awfar dan cara-cara untuk menjadi salah seorang pemenang hadiah utama bernilai RM1 juta boleh dirujuk di laman sesawang Bank Islam, [www.bankislam.com](http://www.bankislam.com) dan laman media sosial rasmi Bank Islam.

---

**Mengenai Bank Islam Malaysia Berhad (No. Pendaftaran Syarikat [198301002944(98127-X)])**

Bank Islam adalah institusi perbankan Islam pertama di Malaysia yang disenaraikan di Papan Utama, Bursa Malaysia Berhad. Ditubuhkan pada bulan Julai 1983 sebagai institusi perbankan Islam pertama di Malaysia, Bank Islam mempunyai 135 cawangan dan lebih daripada 900 terminal layan diri di seluruh negara. Sebagai institusi perbankan Islam lengkap dan tulen, Bank Islam menyediakan penyelesaian perbankan dan kewangan yang mematuhi undang-undang dan prinsip Syariah dengan ketat serta komited terhadap hasrat kemakmuran lestari dan nilai-nilai ESG. Anak syarikat utama Kumpulan Bank Islam adalah perintis dalam pelbagai perkhidmatan kewangan Islam, termasuk pelaburan dan pembrokeran saham, iaitu BIMB Investment Management Berhad dan BIMB Securities Sendirian Berhad. Untuk maklumat lebih lanjut mengenai produk dan perkhidmatan kumpulan Bank Islam, layari [www.bankislam.com](http://www.bankislam.com).

**Untuk maklumat lanjut, sila emel ke:** [MediaRelationsEditorial@bankislam.com.my](mailto:MediaRelationsEditorial@bankislam.com.my)